



**SIARAN AKHBAR
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Berikutan Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri bertarikh 03 Muharram 1443 bersamaan 12 Ogos 2021 mengenai tempoh bekerja bagi *Business Continuity Plan (BCP)* dan merujuk kepada siaran akhbar Jabatan Buruh bertarikh 03 Muharram 1443 bersamaan 12 Ogos 2021 mengenai dengan jenis perkhidmatan dan waktu perkhidmatan di ke empat-empat daerah, Jabatan Buruh ingin mengemaskini dan seterusnya memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua perkhidmatan kaunter di ke empat-empat daerah akan **ditutup** buat sementara waktu **sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

Permohonan dan perkhidmatan-perkhidmatan jabatan bolehlah dimasukkan ke dalam **Peti Permohonan (*Dropbox*)** yang disediakan di ruang legar Jabatan Buruh dan cawangan-cawangannya. Waktu penghantaran permohonan adalah bermula dari jam **08.00 pagi hingga 12.30 tengahari.** Tatacara menghadapkan dan mengambil keputusan permohonan di Jabatan Buruh bolehlah diperolehi di laman sesawang Jabatan Buruh di www.labour.gov.bn. Pemohon adalah dikehendaki untuk melengkapkan permohonan dan memberikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit dengan betul bagi kelancaran permohonan.

Sekian disampaikan

**Jabatan Buruh
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

04 Muharram 1443H bersamaan 13 Ogos 2021M